

Research Article:

**Pembumian Matlamat Pengajaran Kemahiran Al-Quran Masa  
Hadapan di Institusi Pengajian Tinggi  
(Anchoring the Future of Quranic Skills Education in Higher Learning  
Institutions)**

**Muhamad Nasir Mohamad Salleh<sup>1\*</sup>, Zaharah Hussin<sup>2</sup>, Abd. Aziz Rekan<sup>1</sup> and Siti Patonah Mohamad<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Department of Educational Foundations and Humanities, Faculty of Education, Universiti Malaya, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup>Applied Science with Islamic Studies Programme, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: [nasir1990@um.edu.my](mailto:nasir1990@um.edu.my)

**ABSTRACT**

Quranic education has seen rapid growth worldwide, both formally and informally, in parallel with the passage of time. At the higher education level, the teaching and learning of the Quran aim to influence the educational systems employed by lecturers, guiding them to educate students towards holistic development. This study aims to design and develop the components and content of the objectives for teaching Qur'anic skills, specifically in the context of Quranic recitation. This initiative is intended to serve as an alternative guide for instructors of Quranic recitation courses at future institutions of higher learning (HEIs). The study employs a dual-method Design and Development Research (DDR) approach, focusing on the design and development phases. During the design phase, qualitative methods were used to collect data through expert interviews with course implementers, focusing on the components and initial objectives of taranum (Quranic melody) teaching. A thematic analysis of the interview data was then conducted to generate relevant themes and categories, which underpin the design content. Furthermore, research highlights were carried out to support the design content. In the development phase, quantitative methods were employed through the distribution of questionnaires to selected field experts to obtain their consensus. The Fuzzy Delphi method was applied, involving the processes of Triangular Fuzzy Numbers and Defuzzification. The threshold value ( $d$ ) was required to be equal to or less than 0.2, and the percentage of expert consensus needed to exceed 75%. Additionally, the value of  $\alpha$ -cut in the Defuzzification process had to exceed 0.5. In conclusion, defining the essential components and objectives for teaching taranum recitation skills is crucial for preserving the

**Accepted:** 22 June 2024; **Published:** 31 December 2024

**To cite this article:** Salleh, M. N. M., Hussin, Z., Rekan, A. A., & Mohamad, S. P. (2024). Pembumian matlamat pengajaran kemahiran al-Quran masa hadapan di Institusi Pengajian Tinggi (Anchoring the future of Quranic skills education in Higher Learning Institutions). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 39(2), 337–364. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.2.17>

philosophy of taranum learning. This effort represents an evolution in educational paradigms and contributes to the development of a systematic andragogical model. This aligns with the objective of enhancing the teaching capabilities of Quranic recitation instructors in accordance with the advancement of global educational technology.

**Keywords:** Teaching goals, Quranic education, Taranum al-Quran, DDR, Design and Development Research

## ABSTRAK

Pendidikan al-Quran telah menyaksikan pertumbuhan pesat di seluruh dunia, secara formal dan tidak formal, selari dengan peredaran masa. Di peringkat pengajian tinggi, pengajaran dan pembelajaran al-Quran bertujuan untuk mempengaruhi sistem pendidikan yang digunakan oleh pensyarah, membimbing mereka untuk mendidik pelajar ke arah pembangunan holistik. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan membangunkan komponen dan kandungan objektif pengajaran kemahiran al-Quran, khususnya dalam konteks bacaan al-Quran. Inisiatif ini bertujuan untuk menjadi panduan alternatif kepada pengajar kursus tilawah al-Quran di institusi pengajian tinggi (IPT) pada masa akan datang. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) dwi-kaedah, memfokuskan pada fasa reka bentuk dan pembangunan. Semasa fasa reka bentuk, kaedah kualitatif telah digunakan untuk mengumpul data melalui temu bual pakar dengan pelaksana kursus, memfokuskan kepada komponen dan objektif awal pengajaran taranum (melodi al-Quran). Analisis tematik data temu bual kemudiannya dijalankan untuk menjana tema dan kategori yang berkaitan, yang menyokong kandungan reka bentuk. Tambahan pula, sorotan penyelidikan telah dijalankan untuk menyokong kandungan reka bentuk. Dalam fasa pembangunan, kaedah kuantitatif telah digunakan melalui pengedaran soal selidik kepada pakar lapangan terpilih untuk mendapatkan konsensus mereka. Kaedah *Fuzzy Delphi* telah digunakan, melibatkan proses *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification*. Nilai ambang ( $d$ ) dikehendaki sama dengan atau kurang daripada 0.2, dan peratusan konsensus pakar perlu melebihi 75%. Selain itu, nilai  $\alpha$ -cut dalam proses *Defuzzification* perlu melebihi 0.5. Kesimpulannya, mentakrifkan komponen dan objektif penting untuk mengajar kemahiran bacaan taranum adalah penting untuk memelihara falsafah pembelajaran taranum. Usaha ini mewakili evolusi dalam paradigma pendidikan dan menyumbang kepada pembangunan model andragogi yang sistematik. Ini selaras dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan mengajar pengajar bacaan al-Quran selaras dengan kemajuan teknologi pendidikan global.

**Kata kunci:** Matlamat pengajaran, pembelajaran al-Quran, taranum al-Quran, DDR, Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan

## PENGENALAN

Sistem pendidikan dunia sering mengalami perubahan dan perkembangan bagi mendapatkan pendidikan yang lebih berkualiti dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan atau perubahan ini merujuk kepada istilah evolusi iaitu perubahan secara berkala daripada satu tahap kepada tahap yang lebih kompleks atau menjadi lebih baik serta perubahan tersebut dapat diterima oleh masyarakat (Kannagi, 2015). Perkembangan dalam sistem pendidikan pada hari ini telah mengalami inovasi dan evolusi secara menyeluruh dari aspek kualiti pentadbiran sekolah, kualiti pengajaran guru dan pembelajaran pelajar agar menjadi lebih efisien (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2022). Evolusi sedemikian tidak dapat dilaksanakan sekiranya pemikiran para pelaksana evolusi berada pada takuk yang lama. Pemikiran ini merujuk kepada penggunaan istilah paradigma yang telah digandingkan bersama istilah evolusi. Berdasarkan kajian Alisyah et al. (2021) dalam artikel "Faktor-

Faktor yang Mempengaruhi Pendidikan Islam: Paradigma, Berpikir Kesisteman dan Kebijakan Pemerintah (Literature Review Manajemen Pendidikan)" menyenaraikan paradigma-paradigma yang menunjukkan model pemikiran dalam pendidikan Islam. Hal ini bertepatan dengan definisi paradigma daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang menyatakan suatu batasan pemikiran (individu atau organisasi) pada masa tertentu yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, kebolehan dan kesedaran yang sedia ada. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), evolusi paradigma telah menjadi kebiasaan dalam perkembangan sesuatu teori sama ada dari sudut kajian akademik mahupun dalam pembelajaran kuliah. Selari dengan tujuan tersebut, evolusi paradigma dalam konteks pengajaran taranum al-Quran merupakan suatu perubahan dan perkembangan dalam melaksanakan pengajaran yang lebih sistematik dan efisien seperti penguasaan kemahiran teknologi multimedia dan komunikasi (ICT). Elemen pengajaran yang menarik menggunakan modul berbantuan multimedia selanjutnya dapat membantu pensyarah mengajar dengan lebih cekap dan efektif serta dapat mencetuskan minat dan motivasi mahasiswa (Muhamad Nasir et al., 2024).

Jika dirujuk semula sejarah awal kedatangan Islam, permulaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran adalah apabila turunnya wahyu kepada Baginda Rasulullah SAW. melalui perantaraan Malaikat Jibril AS berdasarkan Surah Al-'Alaq ayat 1 hingga 5. Keinginan kuat Baginda Rasulullah SAW membaca perkataan demi perkataan supaya dapat mengingatinya dengan cepat telah ditegur oleh Allah SWT berdasarkan firmanNya dalam Surah al-Qiyamah ayat 16-19. Jelas disini, al-Quran tidak boleh dipelajari dengan cara yang tergopoh-gapah dan perlu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian seperti *talaqqi mushafahah*, *muraja'ah*, *tikrar*, *tadarus* dan *tasmi'*. Selanjutnya, Rasulullah SAW mendidik para sahabat membaca al-Quran dengan cara membacakan kepada mereka 10 ayat al-Quran dan tidak akan menambah 10 ayat yang berikutnya sehingga para sahabat benar-benar memahami konteks penceritaan ayat tersebut. Zaman berselih ganti, terdapat banyak tempat yang menjadi institusi pendidikan al-Quran di tanah arab antaranya termasuklah masjid, rumah Nabi Muhammad SAW, rumah sahabat, pasar, rumah guru al-Quran, istana, *kuttab*, sekolah, universiti dan perpustakaan (Mohd Yusof, 2015).

Kedatangan Islam ke Nusantara dikatakan bermula sejak awal abad pertama Hijrah sehingga tersebar luas sepenuhnya sebelum penghujung abad kelapan Hijrah (Muhammad Abdul Rauf, 2001). Pendidikan Islam ketika itu antaranya mewajibkan anak-anak orang Islam mengikuti kelas pendidikan al-Quran yang diajarkan oleh guru-guru yang berkelayakan. Di Indonesia sebagai contoh, Rahimah (2020) memperkuat penulisan-penulisan terdahulu bahawa Pendidikan Islam di Indonesia diperoleh daripada sekolah-sekolah yang disebut sebagai pesantren dan mengamalkan sistem berpusatkan kyai dimana kyai adalah merupakan pemimpin masyarakat Islam setempat. Kemasukan Islam ke Tanah Melayu pula dipercayai bermula tahun 1414 M. Kemasukan Islam ke Tanah Melayu adalah disebabkan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka pada ketika itu (Ahmad, 1997; Mohd Aderi, 2015; Mohd Yusof, 2015). Selari dengan peredaran masa, pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia telah berkembang pesat di serata daerah dan negeri samada secara formal mahupun tidak formal. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan

kurikulum pengajian al-Quran khususnya dalam bentuk kursus tilawah al-Quran di IPT adalah berada di bawah peranan pentadbir bagi merealisasikannya sebagai kursus teras (Nor Ashiqeen et al, 2017). Antara fakulti di universiti dalam negara yang menawarkan pengajian al-Quran dalam bentuk kursus teras adalah seperti di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Malaysia (UIM).

Matlamat pengajaran merupakan salah satu unsur yang penting dalam penyampaian ilmu pengetahuan secara berkesan. Pelaksanaan pengajaran perlu seiring dengan penetapan matlamat yang ingin dicapai. Merujuk kepada DBP, matlamat didefinisikan sebagai suatu sasaran atau suatu perkara yang hendak dicapai dengan kata lain matlamat boleh diertikan dengan tujuan. Al-Ghazali dalam *Ihya Ulum al-Din* menjelaskan bahawa pengajaran guru mestilah bermatlamatkan kerana Allah SWT dan membela agama Islam (Nursafra et al., 2022). Umumnya, matlamat pengajaran dan pembelajaran dalam bidang al-Quran untuk anak-anak kecil di seluruh institusi pendidikan dunia berfokuskan kepada kemahiran asas bacaan al-Quran. Manakala matlamat pengajaran bagi kurikulum tahfiz remaja dan belia menumpukan kepada proses mengingati al-Quran dan ilmu pengetahuan yang lain selari dengan apa yang dikemukakan oleh Mohamad Marzuqi et al. (2021) dalam kajian lepas. Justeru, dapat disimpulkan bahawa penetapan matlamat pengajaran merupakan tujuan utama secara umum untuk dicapai menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun, penetapan matlamat pengajaran adalah berbeza dengan penetapan objektif pengajaran iaitu dari segi tempoh masa kerana matlamat pengajaran dicapai dalam jangka masa yang panjang manakala objektif pengajaran dicapai dalam jangka masa yang pendek (Kraft et al., 2001).

Dari sudut pandang Islam, pengajaran al-Quran mempunyai matlamat yang tersendiri serta penting dalam mendidik masyarakat ke arah insan yang berkeperibadian mulia. Hal ini kerana al-Quran merupakan panduan utama umat Islam untuk mendekati diri kepada yang Maha Pencipta di samping meningkatkan ketakwaan di sisi Allah SWT (Zulfadhli & Jawiah, 2014). Justeru, Rasulullah SAW telah berpesan kepada umatnya berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Uthman bin Affan RA, bahawa Nabi SAW bersabda: Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya” (Riwayat al-Bukhari: 5027).

Al-Qabisi (1955) menjelaskan bahawa hadis tersebut menunjukkan seseorang yang mempelajari al-Quran dengan sebaik-baiknya lalu mengajarkan pula kepada orang lain adalah manusia yang mulia di sisi Allah SWT. Tambahan pula, al-Quran sekiranya diajarkan dengan penuh hikmah dapat membentuk sahsiah diri agar berkeperibadian mulia kesan daripada penghayatan dalam membaca al-Quran. Perkara ini telah disebut dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?” (al-Qamar: 17)

Matlamat pengajaran merupakan intipati yang penting untuk diterapkan dalam perancangan pengajaran bagi para pendidik khususnya pensyarah. Pensyarah adalah pihak yang merancang pengajaran dan pembelajaran untuk membantu mahasiswa menghadapi cabaran masa depan (Zulkifly et al., 2020) di IPT. Perancangan tersebut haruslah mempunyai penetapan matlamat pengajaran yang jelas. Walau bagaimanapun, usaha untuk mencapai matlamat pengajaran bukan suatu perkara yang mudah bagi para pensyarah kerana memerlukan motivasi yang tinggi bagi mendepani cabaran dan halangan yang mendatang (Kwee, 2021). Motivasi yang terbina bergantung kepada setiap pensyarah sehingga pencapaian matlamat pengajaran berbeza-beza mengikut pengalaman dan pengetahuan pensyarah (Daumiller et al., 2023).

## **SOROTAN LITERATUR**

Secara umumnya, matlamat perlu diseimbangkan antara jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Salah satu strategi matlamat pengajaran dapat dicapai adalah dengan mempelbagaikan strategi pengajaran yang diamalkan supaya mahasiswa dapat menguasai kandungan kursus dengan lebih mudah di samping merealisasikan matlamat pengajaran yang telah ditetapkan oleh IPT ataupun Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (Yazilmiwati & Rozaini, 2019). Pensyarah yang merancang untuk mencapai matlamat pengajaran dengan sistematik akan menjadi lebih mudah dalam menstruktur kursus dan amalan pengajaran, sekaligus memberi manfaat kepada mahasiswa untuk mendapatkan gambaran umum mengenai kuliah, isi kandungan serta maklumat yang jelas mengenai keperluan untuk lulus dalam peperiksaan (Fessl et al., 2021).

Sehubungan dengan itu, pemeraksanaan intipati elemen matlamat pengajaran dalam taranum al-Quran nampak mudah untuk dilaksanakan pada dasarnya namun cabaran dan halangan tetap perlu ditangani terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Antara cabaran untuk melaksanakan perkara ini adalah secara umumnya pensyarah masih tidak mementingkan amalan andragogi sistematik untuk meningkatkan kualiti pembelajaran mahasiswa dan hanya menumpukan kepada akademik semata-mata. Hal ini akan memberi kesan kepada mahasiswa kerana mereka hanya belajar secara teori tanpa sebarang penghayatan yang mampu memberi penambahbaikan kepada diri mereka. Masalah juga turut berlaku berkaitan dengan isu pengajaran yang tidak kreatif, bersifat sehalu, kurangnya penggunaan teknologi dalam pengajaran, penggunaan metodologi pengajaran yang tidak pelbagai (Norfarahi et al., 2021) serta tidak menggunakan unsur kecindan dalam pengajaran (Mazni et al., 2019). Pensyarah seringkali mengajar berdasarkan kepada pengalaman terdahulu dan kebiasaannya pengajaran sebegitu agak membosankan (Mohd Nazir et al., 2023). Rentetan daripada itu, perancangan pengajaran pensyarah akan bermasalah dari sudut penggunaan strategi, kaedah, teknik serta bahan bantu mengajar yang bersesuaian

kerana tidak mempunyai penetapan matlamat yang jelas. Kesesuaian gaya pengajaran juga memainkan peranan yang penting bagi seseorang pensyarah (Hartati et al., 2020).

Selari dengan itu, masalah terhadap gaya pengajaran pensyarah juga mampu memberi kesan terhadap hasil pembelajaran mahasiswa. Kefahaman mahasiswa terhadap pengajaran al-Quran akan terjejas sekiranya pengajaran pensyarah kurang menarik dan membosankan. Kecemerlangan akademik mahasiswa umumnya dipengaruhi oleh faktor pelajar itu sendiri selain daripada faktor pensyarah kursus serta faktor-faktor lain (Hartati et al., 2020). Strategi dan pendekatan pengajaran pensyarah yang tidak selaras dengan keperluan pembelajaran mahasiswa boleh mengakibatkan kemerosotan pencapaian akademik di peringkat pengajian tinggi (Muhamad Shafiq & Noraini, 2019). Kecemerlangan mahasiswa terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran secara bertarunum masih menjadi persoalan utama sehingga kini (Muhamad Nasir et al., 2020). Masalah dari sudut kecemerlangan mahasiswa juga turut berlaku menerusi kajian Muhammad Haziq dan Adam (2020) yang mendapati terdapat segelintir sahaja lepasan mahasiswa yang dapat mempraktikkan bacaan taranum al-Quran dan berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh penggubal kursus selepas pengajian walaupun jumlah pelajar semakin meningkat tahun demi tahun. Lebih mengejutkan lagi, kajian lain berkenaan permasalahan pencapaian mahasiswa turut berlaku kepada mahasiswa semester 2 bagi kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam yang tidak dapat membaca al-Quran dengan betul sehingga mereka membaca al-Quran secara tulisan rumi disebabkan penguasaan mereka terhadap huruf-huruf *hijaiyah* yang lemah (Norita et al., 2021).

Selain daripada itu, berdasarkan kepada laporan pemarkahan lepas ujian *shafawi* taranum di dua buah IPT (Dokumen Pemarkahan *Shafawi* 2019, diperolehi daripada pensyarah pengajaran taranum al-Quran IPT-1 dan IPT-2 pada 6 Jun 2018 dan 2 Jun 2020), keputusan bagi kedua-dua buah IPT tersebut berada pada tahap yang membimbangkan. Seramai 227 orang mahasiswa daripada IPT pertama menunjukkan hanya seramai 8 orang sahaja yang mendapat gred A (3.52%) manakala bagi IPT yang kedua, 11 orang daripada seramai 65 orang sahaja yang mendapat markah 80% ke atas (16.9%). Dapatan kajian temu bual Muhamad Nasir Mohamad Salleh (2021) mendapati pensyarah mengalami masalah kekangan masa, latar belakang mahasiswa yang pelbagai serta pensyarah tidak mahir dan tidak kreatif dalam pengajaran. Berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan, keperluan bagi membumikan intipati elemen matlamat pengajaran dalam taranum al-Quran dijangkakan berupaya mewujudkan satu evolusi paradigma terhadap model pengajaran pensyarah yang sistematik sehingga dapat mengurangkan isu-isu yang sedang berlaku.

Berdasarkan sorotan literatur dan pengamatan dalam konteks pengajaran taranum al-Quran, matlamat utamanya adalah untuk menghayati agama dan menyemai akhlak yang tinggi (Azmil, 2010; Mazhair, 2014; Muhamad Nasir, 2021; Paharudin, 2015). Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh cendekiawan dan sarjana Islam silam seperti al-Qabisi (1955), al-Ahwani (1955), al-Na'miy (1994) dan Ahmad Khalid (1986) bahawa

pendidikan al-Quran perlu bermatlamatkan hal yang sama. Matlamat pengajaran tersebut dapat dicapai dengan lebih jelas sekiranya dipersembahkan dalam seni bacaan al-Quran bertaranum yang mampu menambah penghayatan terhadap pembacaan al-Quran. Hal ini kerana al-Quran itu adalah mukjizat dan keajaiban yang mampu menyentuh hati dan jiwa pembacanya (Ismail, 2016; Noor Hafzam & Khadijah, 2023). Penghayatan terhadap agama dapat menyemai akhlak yang terpuji (Wan Hilmi, 2018) kerana konsep akhlak yang baik itu adalah menjaga hubungan antara manusia dengan Penciptanya dan antara manusia dengan manusia seperti yang terkandung dalam al-Quran (Ahmad Tantowi & Ahmad Munadirin, 2022; Shaik Abdullah Hassan et al., 2020).

Menurut Mohd Aderi menerusi kajian Muhammad Sayuti et al. (2022) menyatakan bahawa antara langkah pengajaran al-Quran yang diterapkan oleh Rasulullah SAW adalah mengamalkan ajaran yang terkandung dalam al-Quran. Terdapat sebanyak 1054 ayat al-Quran yang menekankan konsep akhlak sama ada secara teori mahupun amali dan ini menyamai seperempat daripada al-Quran (Shaik Abdullah Hassan et al., 2020). Pembentukan akhlak yang mulia mesti berpandukan al-Quran dan hadis bagi mengetahui sama ada sesuatu perbuatan tersebut baik atau buruk (Khoirunisa & Sutrisno, 2022; Muhammad Ichwanuddin, 2021). Berkaitan dengan seni taranum, perkara ini adalah amalan yang mulia serta digalakkan oleh Rasulullah SAW kerana antara tujuannya adalah untuk memahami ayat al-Quran di samping mencantikkan dan memperelokkan bacaan (Alwi et al., 2020). Hal ini menjelaskan bahawa pemahaman yang baik dalam pembacaan di samping proses *tadabbur* al-Quran adalah penting dalam mencapai matlamat asalnya iaitu penghayatan agama dan nilai akhlak terpuji yang dapat memberi manfaat terhadap diri supaya menjadi lebih baik. Tambahan pula, nilai-nilai akhlak yang baik dapat dipupuk dalam diri mahasiswa melalui *tadabbur* ayat yang dapat menyucikan jiwa, membentuk diri, menjauhi sifat tercela serta membina jati diri muslim yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Selanjutnya, pembacaan al-Quran secara bertaranum perlu mengambil kira beberapa faktor antaranya kemahiran bacaan, pengawalan suara dan penghayatan konteks ayat. Faktor-faktor tersebut perlu dijaga dengan tertib agar suatu bacaan yang baik dan berkesan dapat dihasilkan serta selari dengan saranan al-Quran supaya membacanya secara *tartil*. Firman Allah SWT, maksudnya: “Dan bacalah Al-Quran dengan tartil (perlahan-lahan)” (al-Muzzammil: 4).

Istilah *tartil* mempunyai pelbagai pentafsiran yang tersendiri berdasarkan kepada pandangan-pandangan para cendekiawan Islam. Antaranya Saidina Ali RA menyatakan bahawa bacaan secara *tartil* itu adalah memperelokkan bacaan dengan menyebutkan setiap huruf dan berhenti (*waqf*) pada tempat yang betul (Sharifah Nurshahida et al., 2023). Menurut pandangan Abdullah bin Ahmad an-Nasafi, *tartil* adalah membaca semua huruf *hijaiyah* dengan elok, *waqf* pada tempat yang betul dan membaca dengan harakat yang sempurna (Khoirul Bariyah et al., 2021). Namun, pandangan Imam Ibnu Katsir (774 H) dalam Tafsir Ibnu Katsir berbeza dengan pandangan-pandangan sebelum ini iaitu istilah

*tartil* merujuk kepada pembacaan al-Quran secara perlahan-lahan dengan bacaan yang baik agar dapat *tadabbur* isi ayat yang dibaca. Imam Fakhruddin al-Razi (606 H) dalam Tafsir Kabir berpandangan bahawa *tartil* adalah memperelokkan sebutan semua huruf termasuk memenuhi hak-haknya di samping bacaan secara perlahan-lahan. Oleh itu, pembacaan al-Quran secara *tartil* perlulah dibaca dengan sebutan yang betul berserta memenuhi hak setiap huruf dan suara yang jelas serta berhenti pada *waqf* yang tepat di samping menghayati makna ayat yang dibaca. Imam al-Jazari dalam kitabnya iaitu *Tayyibah al-Nasyr* yang dikarang pada tahun (799H) menyatakan bahawa kesempurnaan bacaan al-Quran secara asasnya meliputi ilmu *tajwid*, kemahiran suara, taranum dan mengandungi *lahjah* arab. Semua aspek-aspek bacaan tersebut perlu diterapkan dan menjadi matlamat utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran taranum al-Quran (Anuar, 2017; Farah Ilyani, 2011; Muhamad Nasir, 2021; Muhammad Lukman, 2009; Nik Jaafar, 1998; Wan Hilmi, 2014). Bagi pensyarah yang mengajarkan kursus taranum di IPT dalam negara atau luar negara semestinya perlu menekankan aspek kemahiran bacaan yang tepat terhadap mahasiswa kerana perkara ini menjadi matlamat yang penting untuk dicapai dalam diri mahasiswa. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, kebanyakannya tidak terlepas daripada penekanan terhadap aspek kemahiran bacaan yang tepat dalam ilmu taranum terutamanya dari sudut *tajwid* sepertimana dalam kajian Mohamad Alwi et al. (2020; 2021) dan Mohamad Marzuqi et al. (2021).

Selanjutnya, matlamat akhir yang harus dicapai dalam pengajaran taranum al-Quran adalah supaya setiap mahasiswa dapat memelihara konsep *Handasah al-Sawt* yang diasaskan oleh al-Faruqi dan Lamy' (1986). Konsep *Handasah al-Sawt* dalam taranum al-Quran ini adalah satu seni bunyi yang berada pada hierarki paling tinggi dalam seni bunyi kerana seni taranum hanya dibataskan kepada tradisi seni orang Islam yang berbeza dengan seni muzik biasa yang lebih luas dan tidak terbatas (Sugeng et al., 2020). Sekiranya konsep *Handasah al-Sawt* tidak diajarkan dengan baik, maka mahasiswa akan mengalunkan alunan-alunan asing yang dapat mencacatkan bacaan, berpandukan kesedapan dan nafsu semata-mata tanpa sebarang batasan (Muhamad Nasir, 2021) serta menyimpang daripada sunnah Rasulullah SAW (Merta, 2021). Realitinya pada masa kini, terdapat segelintir dan kumpulan-kumpulan tertentu yang mengalunkan ayat-ayat al-Quran mengikut irama terlarang dan melalaikan seperti bacaan al-Quran diiringi muzik (Muhamad Nasir et al., 2020; Saidah et al., 2020). Justeru itu, kemahiran seni bunyi atau seni suara dalam membaca al-Quran perlu mengambil kira lima jenis model seni bunyi suara iaitu *Tahsin*, *Taghanni* atau *Tarji'*, *Tazyin*, *Tabzin* dan *Layyin* (Mohd Rizal & Wan Mohammad Ubaidillah, 2023).

Sehubungan dengan itu, penjagaan terhadap seni bunyi (*Handasah al-Sawt*) yang dipelopori oleh al-Faruqi dan Lamy' (1986) menekankan bahawa seni bunyi bagi al-Quran merupakan seni bunyi yang tertinggi berbanding seni muzik umum yang lain serta paling berpengaruh dalam dunia seni Islam (Agus, 2019; Garvey, 2020; Saidah et al., 2020). Lamy' berpandangan bahawa segala bentuk muzik dan lagu yang melalaikan dikategorikan sebagai muzik terlarang manakala lagu-lagu yang berunsurkan al-Quran mahupun keagamaan seperti taranum, azan, syair dikategorikan sebagai lagu yang dibolehkan (Saidah et al.,



2020; Garvey, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa seni taranum al-Quran merupakan suatu yang penting untuk dipelajari oleh umat Islam berdasarkan kepada teori *Handasah al-Sarwat* (Muhammad Haziq & Adam, 2020). Justeru itu, perkara ini perlu diberi perhatian oleh pensyarah agar dapat mengelakkan mahasiswa daripada mengalunkan ayat suci al-Quran dengan alunan-alunan yang mencacatkan bacaan sehingga boleh membawa kepada mempersendakan keagungan al-Quran. Pemantapan matlamat tersebut dapat dilaksanakan dengan mudah sekiranya pengajaran yang disampaikan disusun dengan sistematik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Pembumian intipati elemen matlamat pengajaran dalam taranum al-Quran adalah bertujuan untuk menghasilkan satu evolusi bagi pengajaran pensyarah. Justeru, beberapa objektif kajian telah ditetapkan bagi merealisasikan matlamat tersebut iaitu:

1. Mereka bentuk elemen dan kandungan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran dalam pengajaran pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi.
2. Membangunkan elemen dan kandungan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran yang bersesuaian di peringkat pengajian tinggi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau dikenali sebagai *Design and Development Research* (DDR) yang diasaskan oleh Richey dan Klein (2007). Pendekatan DDR adalah suatu kajian sistematik yang melalui fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk, fasa pembangunan dan fasa penilaian. Tujuannya untuk mewujudkan bukti empirikal terhadap sesuatu produk, model baharu atau model yang dievolusikan (Norasyikin, 2017; Richey & Klein, 2007) agar menjadi lebih konkrit dan kukuh (Muhammad Sabri et al, 2012). Pendekatan DDR mempunyai dua jenis iaitu pendekatan DDR jenis 1 yang spesifik dalam mereka bentuk dan membangunkan model baharu di samping menghasilkan teori baharu, metodologi baharu serta melaksanakan ujian dalam konteks yang baharu (Richey & Klein, 2007; Saedah et al., 2020). Manakala pendekatan DDR jenis 2 iaitu kajian berkenaan model tertentu sama ada melalui reka bentuk program, pembangunan atau penilaian projek berserta kesimpulan yang dibuat mengikut aspek tertentu (Nor Aziah, 2007). Dalam kajian ini, pendekatan DDR jenis 2 telah digunakan iaitu memfokuskan kepada fasa reka bentuk dan pembangunan sahaja. Fasa ini juga asalnya terdiri daripada dua fasa yang berbeza namun digabungkan menjadi satu fasa agar melancarkan proses penyelidikan.

Dalam fasa reka bentuk, Seels dan Richey (1994) berpendapat bahawa fasa reka bentuk didefinisikan sebagai perancangan terhadap sesuatu spesifikasi yang hendak dibina. Fasa ini juga dikatakan paling penting dan kritikal kerana fasa ini melibatkan langkah-langkah

yang diambil untuk meningkatkan kredibiliti kajian melalui penggunaan pelbagai kaedah kajian (Richey & Klein, 2007). Dalam konteks kajian ini, limitasi kajian terarah kepada fasa mereka bentuk elemen dan kandungan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran dalam pengajaran pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia menjadi fokus. Pada fasa ini, pendekatan kualitatif digunakan bagi mengumpul data menerusi temu bual bersama empat orang informan pensyarah. Bagi pembinaan protokol temu bual pula, dua orang pakar telah terlibat dalam membuat pengesahan bagi aspek bahasa, kandungan serta keselarasan tema yang ditetapkan (Bogdan & Biklen, 2003). Setelah mendapatkan data melalui sesi temu bual, reka bentuk elemen dan kandungan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran dilaksanakan melalui gabungan dapatan temu bual dan tinjauan literatur.

Selanjutnya, pada fasa pembangunan pula, fasa ini merupakan fasa pengeluaran iaitu pelaksanaan terhadap spesifikasi reka bentuk (Seels and Richey, 1994). Pada fasa pembangunan, limitasi kajian terarah kepada membangunkan elemen dan kandungan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran yang bersesuaian di peringkat pengajian tinggi melalui konsensus pakar. Kaedah *fuzzy delphy* digunakan dimana kaedah ini merupakan evolusi daripada kaedah Delphy klasik yang diasaskan oleh Dalkey dan Helmer (1963). Kaedah *fuzzy delphy* mempunyai pelbagai kelebihan terhadap kajian berbanding kaedah Delphy klasik. Bagi kajian ini, sampel berbentuk *homogenous* dipilih yang melibatkan 12 orang pakar dalam bidang kemahiran tilawah al-Quran. Pakar-pakar ini terdiri daripada 3 orang pensyarah pakar taranum, 3 orang pakar pengamal taranum, 3 orang pakar pedagogi dan 3 orang pakar penggubal kurikulum taranum. Pemilihan 12 orang sampel pakar ini bersesuaian dengan konteks kajian kerana sampel yang terlalu ramai boleh menyebabkan kesukaran dalam mendapatkan kesepakatan (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020). Dari sudut kesahan item soal selidik pula, 6 orang pakar telah dilantik untuk membuat semakan bahasa dan kandungan.

## DAPATAN KAJIAN

### Fasa Reka Bentuk

Pada fasa ini, pendekatan kualitatif digunakan dengan berpandukan kepada protokol temu bual yang dibina.

Temu bual telah dijalankan bersama empat orang informan pensyarah dari pelbagai institusi pengajian tinggi yang terlibat dengan kursus kemahiran tilawah al-Quran di IPT. Pemilihan empat orang informan ini adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Perincian maklumat para informan yang ditemu bual sepertimana yang dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Maklumat informan

Informan	Umur	Institusi	Pencapaian pendidikan	Pengalaman kerja
Informan 1	31–40 tahun	IPGKPI	Sarjana	11 tahun
Informan 2	51–60 tahun	IPGKPI	Sarjana	16 tahun
Informan 3	31–40 tahun	Darul Quran	Sarjana Muda	6 tahun
Informan 4	41–50 tahun	Universiti Malaya	Kedoktoran	6 tahun

Berdasarkan dapatan temu bual, antara komponen matlamat pengajaran taranum ialah kemahiran bacaan yang merangkumi kesempurnaan bacaan al-Quran (*tartil al-Quran*) dan penguasaan kemahiran taranum dengan sebenar-benarnya. Perkara ini sepadan dengan pandangan Informan 1:

Bila sebut tartil mesti ada tajwid, mesti ada sawt, mesti ada taranum. Maksudnya itu adalah matlamat utama dia (TB1P3: 5–6).

Bagi mencapai matlamat pengajaran tersebut, para pensyarah perlu memainkan peranan dalam mewujudkan pengajaran yang sistematik untuk mendorong mahasiswa supaya dapat menguasai kemahiran taranum dengan baik sejajar dengan hasrat dan matlamat yang perlu dicapai. Informan 2 menyatakan:

...pastinya kita mengharapkan mahasiswa yang kita nak lahirkan ini bukan hanya tahu dalam bidang taranum tetapi mereka mahir. Mahir dalam erti kata boleh mengalunkan taranum itu (TB2P2:32–34).

Perkara ini juga turut sama diakui oleh informan lain seperti;

...bagi jangka masa panjang saya melihat saya berpandangan pengajaran taranum ini antaranya bertujuan untuk memastikan mahasiswa mereka dapat mengaplikasi bacaan taranum ni dalam bacaan *murattal* (TB3P2: 10–13).

Oleh hal yang demikian, kemahiran bacaan perlu diberi penekanan terhadap bacaan yang *tartil* dan penguasaan kemahiran taranum yang baik.

Seterusnya, memelihara seni bunyi Islam merupakan salah satu komponen yang penting dalam mencapai matlamat pengajaran taranum al-Quran. Pemeliharaan seni bunyi Islam merangkumi pemeliharaan daripada unsur melodi yang merosakkan pembacaan al-Quran. Informan 2 mengatakan:

Saya berpendapat bahawa alunan al-Quran, alunan taranum yang kita senaraikan sekurang-kurangnya 7 taranum asas itu tidak dicemari dengan alunan-alunan lain (TM2P4: 6-8).

Tambahan pula, Informan 4 memperincikan unsur-unsur melodi yang merosakkan pembacaan al-Quran iaitu:

Adakah kita boleh masukkan lagu-lagu yang rap, jazz dan sebagainya itu? Bagi saya, untuk buat masa sekarang lah ia akan menimbulkan fitnah lah lebih banyak sebab lagu-lagu tersebut dia bukan sekadar membawa lagu sahaja, contoh macam rock, handy metal dan sebagainya dia ada membawa budaya di belakang situ ya. (TB4P7: 3-7).

Oleh itu, matlamat pengajaran taranum mestilah memelihara pembacaan taranum daripada segala unsur yang merosakkan keaslian taranum.

Matlamat pengajaran taranum selanjutnya tidak terlepas dari mementingkan komponen penghayatan agama. Pembacaan al-Quran dengan bertaranum yang disulami dengan penghayatan agama sudah tentu dapat menarik minat masyarakat untuk mempelajari al-Quran. Informan 3 menyatakan:

Bilamana dia membaca al-Quran secara bertaranum, sedikit sebanyak mengajak orang ramai, masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam kembali cinta kan kepada al-Quran al-Karim (TB7P4: 24-27).

Hal ini turut disokong oleh Informan 4, "*Bila orang dengar, seronok, nampak sedap didengar, tarikan tu tetap ada...*" (TB8P3: 13-14). Tambahan pula, penghayatan terhadap agama akan meningkat sekiranya taranum yang dialunkan bertepatan dengan maksud ayat. Informan 2 menyatakan:

...Hijaz yang sesuai sifatnya yang agak tinggi, sifatnya yang agak cergas yang sesuai dengan ayat-ayat yang berbentuk tegas, marah kemurkaan Allah, azab, ertinya apabila kita mengalunkan alunan Hijaz pada ayat-ayat tersebut dengan sendirinya menuntut kita yang membaca kita yang mengalunkan itu supaya mengamati maksud, kisah dan sekaligus mengambil ibrah daripada ayat-ayat tersebut (TB2P4: 30-34).

Justeru, penetapan matlamat pengajaran taranum yang tepat dapat meningkatkan penghayatan agama dalam diri mahasiswa.

Pembentukan akhlak juga merupakan salah satu komponen dalam matlamat pengajaran taranum yang diberi perhatian dalam sesi temu bual. Pengajaran taranum yang sistematik dapat mengajarkan kepada mahasiswa untuk mencerminkan diri mereka dengan akhlak al-Quran dan menjauhi akhlak yang tercela. Informan 4 berpandangan:

...kalau pengamal al-Quran tidak berakhlak dengan akhlak al-Quran, jadi wallahua'lam orang bukan Islam pandang, apalah baca al-Quran tapi akhlak tak bagus ya, mungkin jadi fitnah juga kepada Islam itu sendiri lah (TB4P8:1-4).

Informan lain turut berpandangan "...*penghayatan setiap irama taranum yang dibacakan tu bersesuaian dengan ayat-ayat al-Quran yang dibacakan, lalu dalam jangka masa yang panjang, sebenarnya dia mendidik diri supaya berakhlak mulia...*" (TB7P4: 42-45). Oleh itu, matlamat pengajaran taranum yang perlu dicapai oleh mahasiswa ialah pembentukan akhlak yang mulia serta terhindar daripada akhlak yang buruk.

### Fasa Pembangunan

Dalam fasa pembangunan, set soal selidik pakar telah dibangunkan berdasarkan gabungan dapatan temubual dan sorotan literatur. Soal selidik ini telah disahkan oleh enam orang pakar bagi aspek bahasa dan kandungan. Bagi analisis data dalam fasa pembangunan, soal selidik pakar dianalisis menggunakan kaedah *fuzzy delphi* dengan membuat pengesahan menerusi 12 orang pakar. Pakar-pakar yang dipilih mempunyai kemahiran dalam bidang pengajaran taranum al-Quran. Setiap item yang dianalisis perlu memenuhi syarat *fuzzy delphi* iaitu *Triangular Fuzzy Numbers* dan *Defuzzification Process*. Syarat *Triangular Fuzzy Numbers* mestilah nilai *Threshold* (d) sama atau tidak melebihi 0.2 dan peratus kesepakatan pakar perlu melebihi 75%. Nilai  $\alpha$  - cut dalam syarat *Defuzzification Process* pula perlu melebihi nilai 0.5. Jadual 2 memaparkan dapatan akhir komponen matlamat pengajaran taranum.

**Jadual 2.** Kategori serta perwakilan kod bagi setiap pakar (N = 12)

Bil.	Kategori pakar	Perwakilan kod pakar	
1	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 1	P1
2	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 2	P2
3	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 3	P3
4	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 4	P4
5	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 5	P5
6	Pensyarah Pakar Taranum	Pakar Kajian 6	P6
7	Pakar Pedagogi	Pakar Kajian 7	P7
8	Pakar Pedagogi	Pakar Kajian 8	P8
9	Pakar Pedagogi	Pakar Kajian 9	P9
10	Penggubal Kurikulum Taranum	Pakar Kajian 10	P10
11	Penggubal Kurikulum Taranum	Pakar Kajian 11	P11
12	Penggubal Kurikulum Taranum	Pakar Kajian 12	P12

Kajian diteruskan dengan pengesahan elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum. Elemen tersebut dinilai berdasarkan kepada nilai (d) purata item, nilai (d) purata keseluruhan item, peratusan kesepakatan pakar item, peratusan kesepakatan pakar keseluruhan item, skor *Fuzzy* dan skor *ranking*. Berikut merupakan Jadual 3 yang menunjukkan dapatan data pengesahan elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum.

**Jadual 3.** Dapatan data pengesahan elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum

Pakar	Elemen komponen matlamat pengajaran			
	MP1	MP2	MP3	MP4
1	0.092	0.136	0.057	0.025
2	0.092	0.136	0.057	0.025
3	0.071	0.063	0.097	0.127
4	0.071	0.543	0.057	0.025
5	0.071	0.063	0.097	0.127
6	0.092	0.136	0.057	0.025
7	0.092	0.136	0.057	0.025
8	0.092	0.136	0.057	0.025
9	0.589	0.543	0.335	0.025
10	0.092	0.136	0.057	0.025
11	0.092	0.136	0.057	0.025
12	0.092	0.136	0.057	0.025
<b>Nilai (d) purata item</b>	<b>0.128</b>	<b>0.192</b>	<b>0.087</b>	<b>0.042</b>
<b>Nilai (d) purata keseluruhan item = 0.112</b>				
<b>Peratus kesepakatan pakar item (%)</b>	<b>91.7</b>	<b>83.3</b>	<b>91.7</b>	<b>100.0</b>
<b>Peratusan kesepakatan pakar keseluruhan item = 48 (jawapan keseluruhan pakar) – 4 (jawapan lebih daripada nilai 0.2) / 48 × 100% = 91.7%</b>				
<b>Skor fuzzy</b>	<b>0.903</b>	<b>0.872</b>	<b>0.928</b>	<b>0.950</b>
<b>Skor ranking</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 3, dapatan menunjukkan item MP1, MP2 dan MP3 melebihi nilai *threshold*  $(d) \leq 0.2$ . Hal ini menunjukkan terdapat pendapat bagi P4 dan P9 secara individu yang tidak berada dalam konsensus keseluruhan pakar lain. Namun begitu, nilai (d) purata setiap item tidak melebihi 0.2 sementara nilai (d) purata keseluruhan item adalah 0.112. Seterusnya, peratusan persetujuan kesepakatan pakar (%) pada setiap item serta keseluruhan item turut melebihi nilai 75% manakala nilai skor *fuzzy* setiap item turut melebihi nilai 0.5. Oleh yang demikian, semua elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum

adalah diterima berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Jadual 4 menunjukkan dapatan akhir elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum.

**Jadual 4.** Dapatan akhir elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum

No item	Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		(d) ≤ 0.2	≥ 75.0%	m1	m2	m3	α-cut ≥ 0.5		
M1	Penghayatan agama	0.128	91.7	0.800	0.933	0.975	0.903	Terima	3
M2	Pembentukan akhlak	0.192	83.3	0.767	0.900	0.950	0.873	Terima	4
M3	Kemahiran bacaan	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	2
M4	Seni bunyi ( <i>Handasah al-Sawt</i> )	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima	1
Komen atau sebab ketidaksesuaian:									
P3	Seni bunyi dicadang ubah kepada Pembacaan Ibadah atau <i>ubudiyah</i>								
P8	Penggunaan tema Penghayatan Agama disemak kesesuaiannya								
P10	Istilah <i>Handasah al-Sawt</i> boleh dikaji semula kesesuaiannya								

Nota: \*\*\*Syarat: (1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2; (2) peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%; Skor Fuzzy (A) ≥ nilai α-cut ≥ 0.5

Seterusnya, pembangunan bagi kandungan elemen dalam komponen matlamat pengajaran taranum al-Quran ini ditinjau berdasarkan kepada empat elemen iaitu ‘*Seni Bunyi (Handasah al-Sawt)*’, ‘*Kemahiran Bacaan*’, ‘*Penghayatan Agama*’, dan ‘*Pembentukan Akhlak*’. Jadual 5 menunjukkan dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘*Seni Bunyi (Handasah al-Sawt)*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum yang telah dinilai berdasarkan kepada nilai (d) purata item, nilai (d) purata keseluruhan item, peratusan kesepakatan pakar item, peratusan kesepakatan pakar keseluruhan item, skor *fuzzy* dan skor *ranking*.

Berdasarkan Jadual 5, dapatan data menunjukkan item 1 dan 2 melebihi nilai *threshold* (d) ≤ 0.2. Hal ini menunjukkan terdapat pendapat bagi Pakar 4 dan Pakar 9 yang tidak berada dalam konsensus pakar lain. Namun begitu, nilai (d) purata setiap item tidak melebihi 0.2 sementara nilai (d) purata keseluruhan item adalah 0.077. Selain itu, peratus persetujuan kesepakatan pakar (%) pada setiap item serta keseluruhan item melebihi peratusan 75% manakala dapatan nilai skor *fuzzy* setiap item turut melebihi nilai 0.5. Oleh yang demikian, setiap kandungan elemen ‘*Seni Bunyi (Handasah al-Sawt)*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran adalah diterima berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Oleh itu, Jadual 6 memaparkan dapatan akhir kandungan elemen ‘*Seni Bunyi (Handasah al-Sawt)*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran.

**Jadual 5.** Dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen *Seni Bunyi (Handasah Al-Sawt)*

Pakar	Item			
	1	2	3	4
1	0.057	0.090	0.038	0.025
2	0.057	0.090	0.038	0.025
3	0.097	0.069	0.115	0.127
4	0.335	0.302	0.038	0.025
5	0.097	0.069	0.115	0.127
6	0.057	0.090	0.038	0.025
7	0.057	0.090	0.038	0.025
8	0.057	0.090	0.038	0.025
9	0.057	0.302	0.115	0.025
10	0.057	0.090	0.038	0.025
11	0.057	0.090	0.038	0.025
12	0.057	0.090	0.038	0.025
<b>Nilai (d) purata item</b>	<b>0.087</b>	<b>0.122</b>	<b>0.057</b>	<b>0.042</b>
<b>Nilai (d) purata keseluruhan item = 0.077</b>				
<b>Peratus kesepakatan pakar item (%)</b>	<b>91.7</b>	<b>83.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Peratus kesepakatan pakar keseluruhan item = 48 (jawapan keseluruhan pakar) – 3 (jawapan lebih daripada nilai 0.2) / 48 × 100% = 93.8%</b>				
<b>Skor fuzzy</b>	<b>0.928</b>	<b>0.906</b>	<b>0.942</b>	<b>0.950</b>
<b>Skor ranking</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

**Jadual 6.** Dapatan akhir kandungan elemen '*Seni Bunyi (Handasah Al-Sawt)*'

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		(d) ≤ 0.2	≥ 75.0%	m1	m2	m3	α – cut ≥ 0.5		
1	Memelihara sunnah Rasulullah SAW	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	3
2	Memelihara seni bunyi alunan al-Quran dalam konteks budaya Islam	0.122	83.3	0.800	0.933	0.983	0.906	Terima	4
3	Mendapatkan rasa khusyuk mendengar bunyi alunan bacaan al-Quran	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942	Terima	2

(bersambung)



Jadual 6 (Sambungan)

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		$(d) \leq 0.2$	$\geq 75.0\%$	m1	m2	m3	$\alpha$ -cut $\geq 0.5$		
4	Menarik minat orang ramai kepada seni bunyi alunan al-Quran	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima	1

Komen atau sebab ketidaksesuaian:  
P3 Seni bunyi dicadangkan diubah kepada *Pembacaan Ibadah* atau *ubudiyah*

Nota: \*\*\*Syarat: (1) Nilai Threshold  $(d) \leq 0.2$ ; (2) peratus Kesepakatan Pakar  $\geq 75.0\%$ ; Skor Fuzzy (A)  $\geq$  nilai  $\alpha$ -cut  $\geq 0.5$

Seterusnya, Jadual 7 menunjukkan dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘Kemahiran Bacaan’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum yang telah dinilai berdasarkan kepada nilai (d) purata item, nilai (d) purata keseluruhan item, peratusan kesepakatan pakar item, peratus kesepakatan pakar keseluruhan item, skor fuzzy dan skor ranking.

Jadual 7. Dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘Kemahiran Bacaan’

Pakar	Item			
	1	2	3	4
1	0.057	0.025	0.051	0.025
2	0.057	0.025	0.051	0.025
3	0.057	0.127	0.102	0.127
4	0.057	0.025	0.102	0.025
5	0.097	0.127	0.102	0.127
6	0.057	0.025	0.102	0.025
7	0.057	0.025	0.051	0.025
8	0.057	0.025	0.051	0.025
9	0.335	0.025	0.051	0.025
10	0.057	0.025	0.051	0.025
11	0.057	0.025	0.051	0.025
12	0.057	0.025	0.051	0.025
<b>Nilai (d) purata item</b>	<b>0.087</b>	<b>0.042</b>	<b>0.068</b>	<b>0.042</b>
<b>Nilai (d) purata keseluruhan item = 0.077</b>				
<b>Peratus kesepakatan pakar item (%)</b>	<b>91.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Peratus kesepakatan pakar keseluruhan item = <math>48(\text{jawapan keseluruhan pakar}) - 1(\text{jawapan lebih daripada nilai } 0.2) / 48 \times 100\% = 97.9\%</math></b>				
<b>Skor fuzzy</b>	<b>0.928</b>	<b>0.950</b>	<b>0.933</b>	<b>0.950</b>
<b>Skor ranking</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 7, dapatan data menunjukkan item 1 melebihi nilai *threshold*  $(d) \leq 0.2$ . Hal ini menunjukkan terdapat pendapat bagi Pakar 9 yang tidak berada dalam konsensus pakar lain. Namun begitu, nilai  $(d)$  purata setiap item tidak melebihi 0.2 sementara nilai  $(d)$  purata keseluruhan item adalah 0.060. Selain itu, peratus persetujuan kesepakatan pakar (%) pada setiap item serta keseluruhan item melebihi peratusan 75% manakala dapatan nilai skor *fuzzy* setiap item turut melebihi nilai 0.5. Oleh yang demikian, setiap kandungan elemen ‘*Kemahiran Bacaan*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran adalah diterima berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Oleh itu, Jadual 8 memaparkan dapatan akhir kandungan elemen ‘*Kemahiran Bacaan*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran.

**Jadual 8.** Dapatan akhir kandungan elemen ‘*Kemahiran Bacaan*’

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		$(d) \leq 0.2$	$\geq 75.0\%$	m1	m2	m3	$\alpha - \text{cut} \geq 0.5$		
1	Menguasai kemahiran <i>tajwid</i>	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	3
2	Menguasai kemahiran <i>fasabah</i>	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima	1
3	Memperelokkan suara ketika mengalunkan al-Quran	0.068	100.0	0.833	0.967	1.000	0.933	Terima	3
4	Menguasai kemahiran taranum	0.042	100.0	0.867	0.983	1.000	0.950	Terima	1

Komen atau sebab ketidaksesuaian:

Tiada

Nota: \*\*\*Syarat: (1) Nilai Threshold  $(d) \leq 0.2$ ; (2) peratus Kesepakatan Pakar  $\geq 75.0\%$ ; Skor Fuzzy  $(A) \geq$  nilai  $\alpha - \text{cut} \geq 0.5$

Selain itu, Jadual 9 menunjukkan dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘*Penghayatan Agama*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum yang telah dinilai berdasarkan kepada nilai  $(d)$  purata item, nilai  $(d)$  purata keseluruhan item, peratusan kesepakatan pakar item, peratus kesepakatan pakar keseluruhan item, skor *fuzzy* dan skor *ranking*.

Berdasarkan Jadual 9, dapatan data menunjukkan item 1 dan 3 melebihi nilai *threshold*  $(d) \leq 0.2$ . Hal ini menunjukkan terdapat pendapat bagi Pakar 9 yang tidak berada dalam konsensus pakar lain. Namun begitu, nilai  $(d)$  purata setiap item tidak melebihi 0.2 sementara nilai  $(d)$  purata keseluruhan item adalah 0.072. Selain itu, peratus persetujuan kesepakatan pakar (%) pada setiap item serta keseluruhan item melebihi peratusan 75% manakala dapatan nilai skor *fuzzy* setiap item turut melebihi nilai 0.5. Oleh yang demikian, setiap kandungan elemen ‘*Penghayatan Agama*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran adalah diterima berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Oleh itu, Jadual 10 memaparkan dapatan

akhir kandungan elemen ‘*Penghayatan Agama*’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran.

**Jadual 9.** Dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘*Penghayatan Agama*’

Pakar	Item			
	1	2	3	4
1	0.057	0.038	0.057	0.038
2	0.057	0.038	0.057	0.038
3	0.097	0.115	0.097	0.115
4	0.057	0.038	0.057	0.038
5	0.097	0.115	0.097	0.115
6	0.057	0.038	0.057	0.038
7	0.057	0.038	0.057	0.038
8	0.057	0.038	0.057	0.038
9	0.335	0.115	0.335	0.115
10	0.057	0.038	0.057	0.038
11	0.057	0.038	0.057	0.038
12	0.057	0.038	0.057	0.038
<b>Nilai (d) purata item</b>	<b>0.087</b>	<b>0.057</b>	<b>0.087</b>	<b>0.057</b>
<b>Nilai (d) purata keseluruhan item = 0.072</b>				
<b>Peratus kesepakatan pakar item (%)</b>	<b>91.7</b>	<b>100.0</b>	<b>91.7</b>	<b>100.0</b>
<b>Peratus kesepakatan pakar keseluruhan item = 48 (jawapan keseluruhan pakar) – 2 (jawapan lebih daripada nilai 0.2) / 48 × 100% = 95.8%</b>				
<b>Skor fuzzy</b>	<b>0.928</b>	<b>0.942</b>	<b>0.928</b>	<b>0.942</b>
<b>Skor ranking</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>1</b>

**Jadual 10.** Dapatan akhir kandungan elemen ‘*Penghayatan Agama*’

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		(d) ≤ 0.2	≥ 75.0%	m1	m2	m3	α-cut ≥ 0.5		
1	Memelihara martabat al-Quran	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	3
2	Menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup	0.057	100.0	0.850	0.975	1.000	0.942	Terima	1
3	Membudayakan al-Quran sebagai amalan bacaan harian	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	3

(bersambung)

Jadual 10 (Sambungan)

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		(d) ≤ 0.2	≥ 75.0%	m1	m2	m3	α-cut ≥ 0.5		
4	Mentadabbur ayat al-Quran	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	1

Komen atau sebab ketidaksesuaian:

Tiada

Nota: \*\*\*Syarat: (1) Nilai Threshold (d) ≤ 0.2; (2) peratus Kesepakatan Pakar ≥ 75.0%; Skor Fuzzy (A) ≥ nilai α – cut ≥ 0.5

Jadual 11 menunjukkan dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘Pembentukan Akhlak’ dalam elemen matlamat pengajaran taranum yang telah dinilai berdasarkan kepada nilai (d) purata item, nilai (d) purata keseluruhan item, peratusan kesepakatan pakar item, peratusan kesepakatan pakar keseluruhan item, skor fuzzy dan skor ranking.

**Jadual 11.** Dapatan data bagi pengesahan kandungan elemen ‘Pembentukan Akhlak’

Pakar	Item			
	1	2	3	4
1	0.057	0.070	0.070	0.070
2	0.057	0.070	0.070	0.070
3	0.097	0.084	0.084	0.084
4	0.057	0.084	0.084	0.084
5	0.097	0.084	0.084	0.084
6	0.057	0.070	0.070	0.070
7	0.057	0.070	0.070	0.070
8	0.057	0.070	0.070	0.070
9	0.335	0.323	0.323	0.323
10	0.057	0.070	0.070	0.070
11	0.057	0.070	0.070	0.070
12	0.057	0.070	0.070	0.070
<b>Nilai (d) purata item</b>	<b>0.087</b>	<b>0.095</b>	<b>0.095</b>	<b>0.095</b>
<b>Nilai (d) purata keseluruhan item = 0.093</b>				
<b>Peratus kesepakatan pakar item (%)</b>	<b>91.7</b>	<b>91.7</b>	<b>91.7</b>	<b>91.7</b>
<b>Peratus kesepakatan pakar keseluruhan item = 48 (jawapan keseluruhan pakar) – 4 (jawapan lebih daripada nilai 0.2) / 48 × 100% = 91.7%</b>				
<b>Skor fuzzy</b>	<b>0.928</b>	<b>0.919</b>	<b>0.919</b>	<b>0.919</b>
<b>Skor ranking</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>

Berdasarkan Jadual 11, dapatan data menunjukkan item 1, 2, 3 dan 4 melebihi nilai *threshold*  $(d) \leq 0.2$ . Hal ini menunjukkan terdapat pendapat bagi Pakar 9 yang tidak berada dalam konsensus pakar lain. Namun begitu, nilai  $(d)$  purata setiap item tidak melebihi 0.2 sementara nilai  $(d)$  purata keseluruhan item adalah 0.093. Selain itu, peratus persetujuan kesepakatan pakar (%) pada setiap item serta keseluruhan item melebihi peratusan 75% manakala dapatan nilai skor *fuzzy* setiap item turut melebihi nilai 0.5. Oleh yang demikian, setiap kandungan elemen '*Pembentukan Akhlak*' dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran adalah diterima berdasarkan kepada kesepakatan pakar. Oleh itu, Jadual 12 memaparkan dapatan akhir kandungan elemen '*Pembentukan Akhlak*' dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran.

**Jadual 12.** Dapatan akhir kandungan elemen '*Pembentukan Akhlak*'

No	Item/Elemen	Triangular fuzzy number		Defuzzification process				Kesepakatan pakar	Rank
		$(d) \leq 0.2$	$\geq 75.0\%$	m1	m2	m3	$\alpha$ -cut $\geq 0.5$		
1	Menyucikan jiwa	0.087	91.7	0.833	0.958	0.992	0.928	Terima	1
2	Membentuk diri dengan akhlak mulia	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919	Terima	2
3	Memelihara diri daripada sifat <i>mazmumah</i>	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919	Terima	2
4	Memperbanyak amalan akhlak dalam kehidupan	0.095	91.7	0.817	0.950	0.992	0.919	Terima	2

Komen atau sebab ketidaksesuaian:

Tiada

Nota: \*\*\*Syarat: (1) Nilai Threshold  $(d) \leq 0.2$ ; (2) peratus Kesepakatan Pakar  $\geq 75.0\%$ ; Skor Fuzzy  $(A) \geq$  nilai  $\alpha$  - cut  $\geq 0.5$

## PERBINCANGAN

Pada fasa reka bentuk kajian, hasil dapatan temu bual mendedahkan elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran telah disepakati dan dipersetujui oleh majoriti informan dan elemen tersebut merupakan elemen yang penting dalam pembinaan model andragogi taranum al-Quran yang sistematik. Dalam elemen matlamat pengajaran taranum al-Quran pula terdapat empat komponen utama yang perlu diberi perhatian iaitu *Kemahiran bacaan*, *Memelihara seni bunyi Islam*, *Penghayatan agama*, dan *Pembentukan akhlak*. Keempat-empat komponen ini merupakan ekstrak daripada hasil dapatan dan rumusan sesi temubual. Penetapan elemen dan komponen matlamat pengajaran taranum ini perlu dicapai dalam jangka masa panjang dan memberi implikasi terhadap penyusunan cara mengajar pensyarah. Majoriti informan meletakkan komponen *Penghayatan agama* dan *Pembentukan akhlak* sebagai matlamat asas dalam pengajaran taranum di samping *Kemahiran bacaan* dan *Memelihara seni bunyi Islam*. Hal ini kerana matlamat pengajaran taranum al-Quran bukan

sahaja mementingkan aspek berlagu sahaja bahkan lebih mengutamakan aspek memahami intisari ayat sekaligus *tadabbur* ayat yang dibaca. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Al-Quran ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memerhatikan ayat-ayat-Nya, dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran. ( Surah Saad: 29)

Berdasarkan ayat tersebut, al-Quran diturunkan bukan sahaja untuk dibaca malahan untuk dihayati akan intisari ayat. Proses penghayatan agama melalui pembacaan al-Quran akan melahirkan refleksi diri berkenaan nilai akhlak yang terpuji. Seterusnya, *Kemahiran bacaan* dan *Memelihara seni bunyi Islam* turut ditekankan semasa sesi temu bual. Hal ini kerana matlamat ini bertujuan untuk menjaga keagungan al-Quran dari aspek pembacaan dan penggunaan lagu yang bersesuaian. Perkara ini merisaukan setiap informan sekiranya matlamat tersebut diketepikan. Oleh itu, dapatan temu bual menunjukkan matlamat pengajaran taranum al-Quran dipersetujui secara majoriti pakar untuk diterapkan pada seluruh Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan pengajian al-Quran yang ada di dalam dan luar negara.

Selanjutnya, dalam fasa pembangunan, keseluruhan item berjaya dinilai oleh pakar-pakar yang dilantik melalui kaedah *fuzzy delphy*. Setiap dapatan dikira melalui proses *Triangular Fuzzy Number* dan *Defuzzification Process*. Dapatan akhir menunjukkan elemen matlamat pengajaran taranum secara umumnya diterima dengan kesepakatan pakar berdasarkan kepada Jadual 2. Berdasarkan Jadual 3, seramai 12 orang pakar bersepakat menerima item-item dalam matlamat pengajaran taranum al-Quran dengan kedudukan: (1) Memelihara seni bunyi Islam, (2) Kemahiran bacaan, (3) Penghayatan agama, dan (4) Pembentukan akhlak. Hal ini menunjukkan reka bentuk dan pembinaan matlamat pengajaran taranum al-Quran sesuai dilaksanakan di IPT.

Bagi elemen '*Seni Suara (Handasah al-Sawat)*', setiap kandungan elemen bagi elemen tersebut diterima oleh pakar. Antara kandungan yang paling diterima oleh pakar adalah elemen ini dapat menarik minat orang ramai kepada seni bunyi alunan al-Quran dan hal ini sepadan dengan pandangan Wan Hilmi Wan Abdullah (2018). Tambahan pula, elemen ini dapat mendatangkan rasa khusyuk mendengar bunyi alunan bacaan al-Quran. Elemen ini juga dapat memelihara sunnah Rasulullah SAW di samping memelihara seni bunyi alunan al-Quran dalam konteks budaya Islam. Namun, terdapat cadangan daripada pakar 3 untuk mengubah istilah '*seni bunyi*' kepada '*pembacaan ibadah*'. Hal ini kerana membaca al-Quran merupakan satu ibadah dan memperoleh ganjaran pahala bagi pembacanya serta memberi syafaat di akhirat. Oleh itu, kandungan elemen bagi elemen '*Seni Suara (Handasah al-Sawat)*' diterima dengan sepenuhnya oleh pakar. Penerimaan pakar terhadap kesemua elemen ini perlu untuk diberikan perhatian sewajarnya oleh pensyarah ketika sesi PDP. Sekiranya matlamat ini dipandang enteng, maka akan datang alunan bacaan yang boleh mempengaruhi mahasiswa dengan menggunakan taranum yang tidak mengikut acuan asal oleh qari-qari muktabar.

Dalam elemen '*Kemahiran Bacaan*', setiap kandungan bagi elemen tersebut diterima oleh pakar-pakar. Para pakar menerima bahawa elemen '*Kemahiran Bacaan*' memerlukan mahasiswa untuk menguasai kemahiran taranum seiring dengan menguasai kemahiran *fasahah*. Hal ini kerana elemen '*Kemahiran Bacaan*' yang dibangunkan bermatlamat untuk pengajaran taranum al-Quran di peringkat pengajian tinggi. Oleh hal yang demikian, kedua-dua kandungan tersebut perlu dikuasai dahulu oleh mahasiswa di IPT. Di samping itu, elemen '*Kemahiran Bacaan*' turut menekankan mahasiswa untuk menguasai kemahiran tajwid dan memperelokkan suara ketika mengalunkan al-Quran. Hal ini bertepatan dengan tafsiran cendekiawan Islam bagi istilah *tartil* iaitu penyebutan huruf dengan baik dan pembacaan secara perlahan-lahan dengan suara yang baik. Justeru, kandungan elemen tersebut dapat mengukuhkan elemen '*Kemahiran Bacaan*' dalam matlamat pengajaran taranum al-Quran.

Seterusnya, elemen '*Penghayatan Agama*' turut diterima akan setiap kandungan elemen oleh pakar-pakar dalam bidang taranum. Para pakar bersetuju bahawa pengajaran taranum al-Quran dapat melahirkan penghayatan agama dengan cara *tadabbur* ayat al-Quran serta menjadikannya sebagai panduan hidup. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ismail Sukardi (2016) dan Noor Hafzam Kamarudin dan Khadijah Abdul Razak (2023) yang mengatakan al-Quran itu mampu menyentuh hati dan jiwa pembacanya yang boleh membawa kepada penghayatan dalam diri. Tambahan pula, pembudayaan al-Quran sebagai amalan bacaan harian di samping memelihara martabat al-Quran merupakan manifestasi terhadap '*Penghayatan Agama*'. Oleh itu, kandungan elemen bagi elemen '*Penghayatan Agama*' dilihat penting dalam mengukuhkan matlamat pengajaran taranum al-Quran berdasarkan kepada konsensus pakar. Akhir sekali, kandungan elemen '*Pembentukan Akhlak*' juga diterima berdasarkan konsensus pakar. Para pakar menilai bahawa perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam pembentukan akhlak adalah penyucian jiwa. Taranum al-Quran bukan mementingkan pembacanya yang datang dari serata tempat tetapi dari sudut kemahiran bacaan malahan turut mengajarkannya untuk membersihkan jiwa dari sebarang sifat yang tidak baik. Sehubungan dengan itu, pengajaran taranum al-Quran dapat membentuk diri khususnya mahasiswa dengan akhlak mulia dan memelihara diri daripada sifat mazmumah. Tuntasnya, setiap kandungan elemen bagi elemen '*Pembentukan Akhlak*' penting dalam matlamat pengajaran taranum al-Quran.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, melalui dapatan yang telah diperolehi, para pengkaji dapat menyimpulkan bahawa intipati matlamat pengajaran taranum al-Quran tidak lain adalah untuk memelihara falsafah pembelajaran taranum. Hal ini sekaligus memberi implikasi terhadap gaya pengajaran pensyarah supaya evolusi paradigma model andragogi sistematik dapat diperkasakan. Keupayaan seseorang pensyarah taranum dalam mempraktikkan pengajaran yang terancang dapat memudahkan penerimaan suatu pengetahuan dan kemahiran oleh mahasiswa, namun memerlukan suatu usaha dan persediaan yang rapi. Pensyarah seharusnya bijak menyusun strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang

menarik dan pelbagai. Hal ini sekaligus menolak andaian bahawa pembelajaran taranum mesti dipengaruhi oleh faktor bakat semulajadi. Sebagai contoh, kombinasi visual dengan audio dapat memberi bermanfaat ketika mengajar sebagai alat yang praktikal terhadap kaedah tradisional sedia ada. Kesannya, pendekatan ini dapat membantu mahasiswa mengukuhkan lagi keupayaan dalam mengenal pasti lagu-lagu asas serta bagaimana peranan istilah-istilah utama dalam setiap jenis lagu taranum dipersembahkan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini diterima dan sesuai untuk dilaksanakan di IPT dalam dan luar negara yang menawarkan kursus kemahiran tilawah al-Quran berdasarkan kepada proses yang dipatuhi dan yang sewajarnya. Hasil kajian ini juga membuka peluang bagi penerokaan kajian lanjutan lain seperti penghasilan modul-modul pengajaran dan pembelajaran kemahiran seni bacaan al-Quran yang mengandungi objektif, langkah dan aktiviti-aktiviti yang tersusun serta diintegrasikan dengan teknologi yang bersifat semasa. Hal ini supaya usaha pembentukan model pengajaran bacaan al-Quran bertaranum di IPT dalam dan luar negara dapat dievolusikan dan diaplikasikan dengan sistematik.

## RUJUKAN/REFERENCES

- Agus Iswanto. (2019). Understanding hadrah art as the living al-Qur'an: The origin, performance and worldview. *el Harakah*, 21(2), 217–235. <https://doi.org/10.18860/el.v21i2.7296>
- Ahmad Khalid. (1986). *Ar-risalah al-mufasssolah li abwal al-mu'allimin wa abkam almu'allimin wal muta'allimin*. As-Sharikat al-Tunisiyah al-Tauzi'.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Tantowi, & Ahmad Munadirin. (2022). Konsep pendidikan akhlak dalam al-Qur'an surat al-an'am ayat 151 pada era globalisasi. *al-Afkar, Journal for Islamic Studies*, 5(1), 351–365.
- Al-Ahwani, A. F. (1955). *At-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Faruqi, I. R. & Lamy'a', L. al-F. (1986). *The cultural atlas of Islam*. New York: MacMillan Publishing Company. <https://doi.org/10.35632/ajis.v3i1.2768>
- Alisyah Pitri, Hapzi Ali, & Kasful Anwar Us. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi pendidikan Islam: Paradigma, berpikir kesisteman dan kebijakan pemerintah (literature review manajemen pendidikan). *Jurnal Ilmu Hukum, Humaniora dan Politik*, 2(1), 23–40. <https://doi.org/10.38035/jihhp.v2i1>
- Al-Na'miy Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi* (Mohd Ramzi Omar, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufasssolah li abwal al-muta'allimin wa abkam al-mu'allimin wa al-muta'allimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah.
- Anuar Hasin. (2017). Baramij tanmiah ilm al-tarannum fi Malizia: Dirasah tahliliyyah tatbiqiyah 'al maslahat al-syu'un al-Islamiyyah al-Maliziah. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Malaya.
- Azmil Hashim. (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-quran di darul quran JAKIM dan maahad tahfiz al-quran negeri (MTQN). Unpublished doctoral dissertation, The National University of Malaysia.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research of education: An introductive to theories and methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.



- Dalkey, N., & Helmer, O. (1963). An experimental application of the Delphi method to the use of experts. *Management Science*, 9, 458–467.
- Daumiller, M., Fasching, M. S., Dickhäuser, O., & Dresel, M. (2023). Teachers' achievement goals and teaching practices: A standardized lesson diary approach. *Teaching and Teacher Education*, 127, 104079. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2023.104079>
- Farah Ilyani Zakaria. (2011). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-quran kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran (KKQ) di Selangor. Unpublished Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fessl, A., Maitz, K., Dennerlein, S., & Pammer-Schindler, V. (2021). *The impact of explicating learning goals on teaching and learning in higher education: Evaluating a learning goal visualization* [Paper presentation]. Technology-Enhanced Learning for a Free, Safe, and Sustainable World. 16th European Conference on Technology Enhanced Learning, EC-TEL 2021, Bolzano, Italy. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-86436-1\\_1](https://doi.org/10.1007/978-3-030-86436-1_1)
- Garvey, B. J. (2020). Warfare and welcome: Practicality and Qur'anic hierarchy in ibadi muslims' jurisprudential rulings on music. *Yale Journal of Music and Religion*, 6(1), 19–37. <https://doi.org/10.17132/2377-231X.1167>
- Hartati Maskur, Roshila Abdul Mutalib, & Norazlina Abdullah. (2020). *Hubungan sikap pelajar dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan di kalangan pelajar Politeknik* [Paper presentation]. Proceeding International Multidisciplinary Conference.
- Ismail Sukard. (2016). character education based on religious values: An Islamic perspective. *Ta'dib: Journal of Islamic Education*, 21(1), 41–58. <https://doi.org/10.19109/td.v21i1.744>
- Kannagi Subramaniam. (2015). Aplikasi model refleksi evolusi dalam kalangan guru-guru bahasa [Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Khoirul Bariyah, Siti Aniah, Mardianto, & Nirwana. (2021). Analisis strategi pembelajaran al-Quran. *Hijaz*, 1(1), 1–5. <https://doi.org/10.57251/hij.v1i1.67>
- Khoirunisa, & Sutrisno. (2022). Akhlak siswa terhadap guru pada pendekatan normatif di dalam al-Qur'an dan Hadis. *JISIP: Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan*, 6(1). <https://doi.org/10.58258/jisip.v6i1.2730>
- Kraft, B. L., Marchand-Martella, N., & Martella, R.C. (2001). Writing better goals and short-term objectives or benchmarks. *TEACHING Exceptional Children*, 34(1), 52–58.
- Kwee, C. T. T. (2021). I want to teach sustainable development in my English classroom: A case study of incorporating sustainable development goals in English teaching. *Sustainability (Switzerland)*, 13(8), Article 4195. <https://doi.org/10.3390/su13084195>
- Mazhair Shahroz Muhasip. (2014). Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Qur'an di Kuala Lumpur dan Selangor [Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Mazni Muhammad, Roslee Talip, & Muhammad Suhaimi Taat. (2019). Pengaruh kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kepuasan belajar pelajar kolej-kolej swasta di Sabah. *Jurnal Ilmi*, 9, 102–119.
- Merta Sahroni. (2021). Pemikiran Ismail Raji al-Faruqi tentang seni dan keindahan [Diploma, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bengkulu].
- Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem, & Sumaiyah Ramli. (2020). Metodologi Dato' Nik Jaafar Bin Nik Ismail dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(34), 83–94.
- Mohamad Alwi Ab Rahman, Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Ali Omar Salem Balagem, Sumaiyah Ramli, & Yusuf Othman. (2021). Metodologi Dato' Ismail bin Hashim dalam pengajaran tarannum al-Quran di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 101–106.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim, Abd Hadi Borham, Ashraf Ismail, & Tengku Nur Tasnim Tengku Riduan. (2021). Perancangan pengajaran dan pembelajaran dan penguasaan hafazan al-Quran pelajar sekolah menengah tahfiz. *Jurnal Qiraat*, 4(1), 1–13. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v4i1.14>

- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Nazir Kadir, Siti Nurjanah Mastor Mustafa, & Siti Aisyah Johan. (2023). *Pendekatan pengajaran dalam kalangan pencyarah tahfiz al-Quran di Institut Pengajian Tinggi* [Paper presentation]. E-Prosidings International Conference on Professional Hufffaz 2023 (InFAZ) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kajang, Selangor, 117–128.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Qaisar Prestige Resources.
- Mohd Rizal Hussin, & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. (2023). Kesan kaedah *Tahsin Al-Sowt* (KTA) terhadap kemahiran tilawah pelajar dewasa. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 5(19), 241–253. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.519017>
- Mohd Yusof Ahmad. (2015). *Institusi pendidikan al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Nasir Bin Mohamad Salleh. (2021). *Pembangunan model pengajaran taranum Al-Quran untuk Institusi Pengajian Tinggi*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Malaya.
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin, & Mohd Faisal Mohamed. (2020). Reka bentuk model pengajaran taranum al-Quran: analisis terhadap model-model pengajaran yang terpilih. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 5(1), 11–20. <https://doi.org/10.22452/jier.vol5no2020.2>
- Muhamad Shafiq Mohd Razali, & Noraini Abdol Raop. (2019). Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 3(1), 77–87.
- Muhammad Abdul Rauf. (2001). *The Muslim mind: A study of the intellectual Muslim life during the classical era (701–1200 A.H./1300–1768 A.D.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haziq Haji Shahjahan, & Adam Haji Jait. (2020). Pelaksanaan pengajaran guru seni al-qur'an skim tilawah al-Qur'an remaja negara Brunei Darussalam: Isu dan cabaran. *IJUS: International Journal of Umrabic Studies*, 3(1), 67–81. <https://doi.org/10.59202/ijus.v3i1.539>
- Muhammad Ichwanuddin. (2021). Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam al-Qur'an surat al-Hujurat dan Luqman: Kajian Tafsir Tarbawi. *OASIS: Jurnal Ilmiah Kajian Islam*, 5(2), 1–17. <https://doi.org/10.24235/oasis.v5i2.6081>
- Muhammad Lukman Ibrahim. (2009). *Tarannum al-Quran melalui tariq al-Syatibi: Kajian terhadap pengamalannya dalam kalangan qari-qari Kelantan ke Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan Malaysia antara tahun 1990–2005*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Malaya.
- Muhammad Sabri Shahir, Nor Aziah Alias, Zawawi Ismail, & Nurulhuda Osman. (2012). Employing design and development research (DDR) approaches in the design and development of online Arabic vocabulary learning games prototype. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 11(2), 108–119.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Zulkifly Mohd Yusoff, & Nazean Jomhari. (2022). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap pelajar pekak di Kolej Vokasional. *Journal of Issue In Education*, 44, 77–85.
- Muhammad, & Muhammad Muhammad 'Ali Yusuf al-Jazari. (1986). *Al-tamhid fi 'ilm al-tajwid*. Muassasah ar-Risalah.
- Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawa'id al-Tarannum*. Dar al-Fikr.
- Noor Hafzam Kamarudin, & Khadijah Abdul Razak. (2023). Pengajaran tarannum dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. *Ideology Journal*, 8(1), 1–12. <https://doi.org/10.24191/ideology.v8i1.424>
- Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, & Mohd Nazir Kadir. (2017). Peranan IPTA dan IPTS dalam menerapkan pendidikan al-Quran di dalam kurikulum sebagai kursus teras bagi semua pelajar Islam di Malaysia: Kajian awal di beberapa buah IPT di Malaysia. In *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference* (pp. 1129–1143). Alor Gajah: Universiti Teknologi MARA.

- Nor Aziah Alias. (2007). Design and development of a 'learning console' to scaffold the adult online distance learner's motivational self-regulation and self-direction [Doctoral dissertation, International Islamic University Malaysia].
- Norasayikin Osman. (2017). *Pembangunan bahan sokongan e-pembelajaran kursus Bahasa Arab permulaan di UniSZA*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2021). Creative teaching practices among Islamic education lecturers in polytechnic. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(4), 32–41.
- Norita Abd Aziz, Mohamad Bazli Md Radzi, Natrah Mat Noor, & Ying-Leh Ling. (2021). Penguasaan bacaan al-Quran menerusi Tahsin al-Quran. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan Teknikal*, 2(1), 51–58.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, & Mohd Haidhar Kamarzaman. (2022). Penggunaan model pengajaran Al-Ghazālī dalam konteks pengajaran berfikir kritis. *ISLAMIYYAT*, 44(Special issue), 71–83. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2022-44IK-8>
- Paharudin Arbain. (2015). Eksplorasi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program J-Qaf dan hubungannya dengan pencapaian murid. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahimah Embong. (2020). Perkembangan Pendidikan Islam di Nusantara: Malaysia dan Indonesia. *Jurnal TAMADDUN – FAI UMG*, XXI(1), 135–144. <https://doi.org/10.30587/tamaddun.v21i1.1385>
- Richey, R. C., & Klein J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies and issues*. Routledge.
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan, Tony Lim Abdullah, & Rozaini Muhammad Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saidah Haris @ Harith, Ganesan Shanmugavelu, & Hanizah Abdul Bahar. (2020). Musicology in Islam: A preliminary study. *International Journal of Multidisciplinary Research*, 6(20), 206–213. <https://doi.org/10.36713/epra5917>
- Seels, B., & Richey, R. C. (1994). Defining a field: A case study of the development of the 1994 definition of instructional technology. *Educational Media and Technology*, 20, 2–17. <https://doi.org/10.1007/BF02818746>
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhamad Shukri, & Mohd Abbas Abdul Razak. (2020). Peranan akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 38–54. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.374>
- Sharifah Nurshahida, Nurul Hanim, & Sharifah Fazirah. (2023). Kesan bacaan tartil (tajwid dan tadabur) terhadap fisiologi dan aktiviti neurosains kognitif menggunakan electroencephalography dan NeuroFeedback Training: Suatu sorotan. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 19–32. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.176>
- Sugeng Wanto, Muhammad Roihan Nasution, & Hadi Gunawan Tanjung. (2020). Corak Ghina' dalam membaca Alquran (Studi historis terhadap perkembangan variasi lagu Alquran Syaikh al-Qurrā' Azra'i Abdurrauf). *Al-Ijaz: Jurnal Kewahyuan Islam*, 6(2), 189–207.
- Syed Ismail Syed Mustapa, & Ahmad Subki Hj. Miskon. (2022). Tahap pengajaran dan pemudahcaraan guru di salah sebuah sekolah menengah Daerah Langat. *Journal Civic and Social Studies*, 6(1), 90–99. <https://doi.org/10.31980/civicos.v6i1.1735>
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2014). Pengaruh tarannum qari-qari Mesir terhadap qari-qari di Malaysia. Unpublished Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2018). *Fannu Tilawah al-Quran* (2nd ed.). Pusat Kelestarian Turath Islami Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Yazlimiwati Yaacob, & Rozaini Ahmad. (2019). Penerapan kemahiran insaniah melalui interaksi dan integriti (2ICAMP) modul pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Sunway Malaysia. *Practitioner Research*, 1, 127–154. <https://doi.org/10.32890/pr2019.1.7>

- Zulfadhli Zafik, & Jawiah Dakir. (2014). Bimbingan dan kaunseling Islam terhadap Muallaf. In Siti Rugayah Tibek, Fariza Md Sham, & Muhammad Hilmi Jalil (Eds.), *Pembangunan dakwah Muallaf* (pp. 37–42). Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifly Md Alwayi, Rahimah Embong, & Huda Afiqah Hashim. (2020). Perancangan pengajaran guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan: Satu kajian rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(1), 11–18.